

- Miller, L. (1997). 'Looking at Learning in Early Childhood Centres', in Owens, P (Ed.), *Early Childhood Education and Care*, pp. 125-139. Staffordshire: Trentham Books Limited.
- Miller, L. (1999). 'Teaching and Learning about Play, Language and Literacy with Pre-school Educators in Malaysia', *International Journal of Early Childhood*, Vol.31, No.2, p.55-64
- Mohd. Najib Tun Abdul Razak. (1999). 'Towards Excellence in Early Childhood Education: Policies and Practices in the 21st Century' in Chiam Heng Keng (Ed.) *Excellence in Early Childhood Education*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Moyles, J.R. (1989). *Just Playing? The Role and Status of Play in Early Childhood Education*. Philadelphia and Buckingham: Open University Press. 10
- Moyles, J. R. (1991). *Play as a Learning Process in your Classroom*. London: Mary Glasgow Publications Ltd.
- Sheridan, M. D. (1999). *Play in Early Childhood: From Birth to Six Years* (2nd Ed.). London and New York: Routledge.
- Sylva, K. & Moss, P. (1992). *Learning Before School*, National Commission on Education, No.8.
- The Parliamentary Office of Science and Technology (POST) Report 140 (2000) *Early Years Learning*, London, the Parliamentary Bookshop.
- Yardley, A. (1984). "Understanding and Encouraging Children's Play", in Fontana, D (Ed.) *The Education of The Young Children*, pp. 265-280. London: Basic Blackwell.
- Zaleha Ismail. (1999). 'Towards Excellence in Child Care and Development: Policies and Practices in the 21st Century', in Chiam Heng Keng (Ed.) *Excellence in Early Childhood Education*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications. 11

ULASAN BUKU

Abdullah Md Zin, Zulkiplie Abdul Ghani & Abdul Ghafar Hj Don. *Pendidikan Islam di Malaysia: Dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005. 174+xix halaman

Buku ini amat bermakna bagi umat Islam di Malaysia 'amnya dan tenaga pengajar institusi pendidikan Islam tinggi khususnya. Seperti yang kita sedia maklum, ilmu, pendidikan dan Umat Islam tidak dapat dipisahkan kerana Islam adalah agama yang mempunyai Kitab suci yang menghimpunkan segala wahyu yang diturunkan melalui Nabi Muhammad SAW. Wahyu yang mula-mula diturunkan memerintah umat Islam untuk membaca (*Iqra'*). Membaca di sini tidak terbatas kepada Kitab Suci sahaja tetapi juga membaca, menafsir dan memanfaatkan Kitab Terbuka. Untuk berjaya membaca dengan baik dan memahami isi kandungan Kitab ini, ia dapat dicapai hanya melalui pendidikan formal atau pun tidak formal. Justeru, masjid menjadi pusat pendidikan yang paling berkesan dalam tradisi Islam menerusi khutbah Jumaat, majlis ilmu dan zikr. Oleh itu masjid juga tidak terpisah daripada ilmu.

Tamadun Islam adalah tamadun pertama yang menekankan Pendidikan Tinggi dalam sejarah manusia. Malahan madrasah pertama dibina untuk tujuan siyasa pemerintah. Pada zaman tersebut Madrasah atau Jami' Masjid sama taraf dengan Universiti atau Kolej hari ini. Universiti pertama di dunia ialah Jami' Masjid al-Azhar. Kurikulum madrasah ketika itu menekankan ilm *fard 'ayn* atau '*ulum shar'iyah* sahaja sementara ilmu *fard kifayah* seperti perubatan, ilmu falak, matematik dan sains diajar di luar daripada madrasah, iaitu di tempat ia diamalkan seperti di hospital, observatori, baitul hikmah dan sebagainya. Tamadun Barat kemudiannya mendirikan universiti mereka, bermula di Itali (Palermo, Salerno dll.), kemudian Paris, Oxford, Cambridge, Yale dan seterusnya Harvard, mengikut model universiti dari tamadun Islam Andalusia setelah mereka belajar di institusi pendidikan tinggi di wilayah tersebut walaupun dengan menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Sarjana Barat banyak menceduk ilmu seperti Nombor, sistem perpuluhan, Algebra, Fizik dan tradisi keilmuan Tamadun Islam seperti konsep penganugerahan ijazah, perarakan di majlis konvokasi, lembaga perguruan (*teachers' guild*). Akhirnya mereka berjaya membina budaya ilmu dalam tamadun mereka dan meningkatkan kemajuan matematik dan sains sehingga hari ini mereka memimpin dunia dan bahasa mereka khususnya Bahasa Inggeris menjadi bahasa ilmu dan mengambil alih peranan Bahasa Arab.

Kekuatan ilmu dan teknologi hasil dari aplikasi sains menyebabkan Barat memelopori tamadun manusia dan membina banyak universiti yang berlandaskan *world view* mereka iaitu berlandaskan falsafah liberal, sekular, hatta dalam negara Islam yang dijajah. Apabila negara Islam yang dijajah mula merdeka, mereka mengambil kurikulum sekolah Barat sebagai model sistem pendidikan mereka, apatah lagi model pendidikan tinggi negara mereka. Sudah tentu itu juga menggunakan universiti Barat sebagai modelnya.

Pasti semua negara merdeka berasa bangga apabila berjaya mendirikan institusi pengajian tinggi dalam negara. Universiti adalah lambang ketinggian budaya ilmu sesuatu masyarakat itu. Universiti dilihat sebagai pusat bagi melahirkan intelektual, ulama, tenaga kerja, atau profesional yang diperlukan untuk membangunkan negara. Universiti dianggap sebagai satu institusi untuk melahirkan ilmu dan idea baru, rekacipta baru atau inovatif, pimpinan negara yang bersikap demokratis dan memiliki unsur toleransi yang tinggi. Universiti memberi seribu harapan kepada masyarakat yang bersosio-ekonomi rendah seperti masyarakat desa, untuk memanjat tangga sosial dan mengubah status hidup.

Namun sistem pendidikan dan universiti yang mula mengakar dalam negara Islam ini menonjolkan *world view* atau falsafah yang tidak serasi dengan cita rasa umat Islam. Mereka mula menyedari bahawa insan yang lahir dari sistem yang ditiru bulat-bulat dari Barat itu mula meminggirkan budaya dan agamanya sendiri yang dianggap kuno dan sebaliknya lebih senang dengan budaya dan cara hidup Barat yang sekular. Pemikiran ini meracuni graduan dari sistem ini sehingga idea seperti pemisahan gereja dan negara atau pemisahan agama dari pemerintahan yang mana agama adalah untuk kehidupan peribadi semata-mata dan tidak boleh digunapakai untuk kehidupan awam. Kesannya, agama Islam sendiri mula terpinggir dan tidak mempunyai peranan dalam sistem kehidupan umat Islam. Menyedari hakikat inilah maka golongan intelektual Islam membina aspirasi untuk melihat "universiti Islam" menjadi satu kenyataan dalam negara mereka. Universiti Islam yang mereka idam-idamkan adalah sebuah universiti yang sepadu, iaitu dapat mengembangkan dan memanfaatkan ilmu fardhu kifayah untuk keperluan individu dan negara berdasarkan kepada ilmu fardhu 'ayn sebagai teras. Universiti tersebut seharusnya dapat memenuhi matlamat pendidikan Islam, untuk melahirkan insan yang segala potensinya dicungkil dan semakin kukuh imannya kepada Allah selaku hamba. Universiti juga seharusnya dapat mengembangkan ilmu dan insan dapat memanfaatkan ilmu itu demi kelanjutan

manusia dan makhluk lain seperti haiwan dan tumbuhan, selaku khalifah Allah di bumi ini.

Perjuangan untuk menegakkan pendidikan tinggi Islam yang sepadu berlaku di semua negara Islam. Sayyid Ahmad Khan di India, Muhammad Abduh di Mesir, Kyai Mohd Dachlan dan Muhammadiyah di Indonesia dan tidak ketinggalan juga di negara kita. Gagasan universiti Islam dicituskan oleh Iqbal, dan di negara kita Za'ba dan cendekiawan seangkatan dengannya mula mengupas idea tersebut. Mereka berjuang pada tahun 40an, di antaranya Allahyarham Maulana Abdul Alim al-Siddiqi, Syed Ibrahim al-Sagoff, Ahmad Ibrahim, Sutan Merican, Tuan Wanjur Abu Bakar dan Hj Abdul Jalil Hassan. Hasil dari perjuangan mereka, maka tertubuhlah Kolej Islam Malaya (KIM) pada tahun 1955. Justeru buku ini amat bermakna sebab ia satu usaha untuk mendokumentasikan perjuangan mulia golongan yang prihatin terhadap perkembangan umat Islam di negara kita.

Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1970, yang menyerap KIM sebagai Fakulti Pengajian Islam, mungkin dianggap sebagai satu pengangkatan martabat pendidikan tinggi Islam tetapi ini meleset sebab Islam cuma dihayati oleh Fakulti tersebut dan bukan universiti itu secara keseluruhan. Pencinta pendidikan tinggi Islam ini tidak gembira dengan perkembangan itu sebab mereka tidak melihat idealisme kesepaduan dalam universiti tersebut. Apabila idea penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) diura-urakan pada tahun 1982, golongan ini mengalu-alukannya. Bahkan Tan Sri Dato' Abdul Aziz Zain selaku pengerusi Lembaga Persekutu Pemegang Amanah Pengajian Tinggi Islam Malaysia (LBPAPTIM), yang mengambil alih jawatan itu daripada Allahyarham Prof Ungku Omar, memaklumkan keputusan Lembaga menawarkan bangunan, kawasan dan harta-harta Lembaga bernilai \$54.75 juta untuk digunakan oleh UIAM. Ia berpendapat "penubuhannya menepati hasrat dan amanah yang diberikan kepada Lembaga" (hal. 119).

Bagaimana pun bolehkah UIAM dianggap mewakili hasrat asal penubuhan KIM atau adakah negara masih memerlukan sebuah universiti Islam lain yang beridentiti tempatan untuk menampung keperluan ribuan anak-anak Muslim keluaran pondok dan sekolah agama yang mempunyai peluang terhad untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi? Kita tidak dapat nafikan kepentingan institusi pendidikan menengah Islam dalam bentuk pondok dan madrasah dalam memajukan pendidikan umat Islam di negara kita. Tanpa institusi ini mungkin bertambah gelaplah masa depan umat Islam

di negara kita kerana institusi inilah yang memberi orang Melayu pendidikan sehingga pendidikan tinggi di Timur Tengah semasa zaman penjajahan. Sekolah cuma wujud di pekan dan bandar dan pendidikan menengah yang diberi oleh penjajah cuma dalam Bahasa Inggeris. Memang bangsa kita tidak berpeluang langsung untuk ke pengajian tinggi kecuali melalui Bahasa Inggeris. Ini berterusan sehinggalah termaktubnya dasar pendidikan tentang Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sistem pendidikan kebangsaan selepas peristiwa 13 Mei 1969. Madrasahlah yang melahirkan tokoh-tokoh seperti Dato' Abdul Hamid Othman, Dato' Yusof Nor, dan Dato' Dr Othman Ishak. Persoalan inilah yang difikirkan oleh pencinta Pendidikan Tinggi Islam dan Lembaga UIAM menggunakan pengantar Bahasa Inggeris dan ini menipiskan peluang lulusan pondok dan madrasah untuk melanjutkan pengajian mereka ke institusi tersebut memandangkan faktor bahasa. Justeru, perkara ini dan hasrat pejuang Universiti Islam itu sendiri menjadi faktor pokok yang mencetus penubuhan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Penubuhannya dianggap sebagai alternatif kepada pelajar aliran agama yang berhasrat melanjutkan pelajaran di negara Timur Tengah yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar seperti Mesir, Libya, Maghribi, Syria, Jordan dan Arab Saudi. Ini dikukuhkan lagi oleh "keimbangan terhadap nisbah yang tidak seimbang antara jumlah pusat pengajian tinggi Islam dengan pertumbuhan jumlah sekolah agama di seluruh negara" (hal. 138). KUIM menekankan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya.

Kita bersyukur kepada Allah kerana pada hari ini pusat pengajian tinggi Islam dalam negara terus berkembang dengan tertubuhnya KUSZA, KIPSAS, KISDAR dan Kolej Teknologi Islam Melaka yang didirikan oleh kerajaan negeri. Tetapi kita perlu renung lebih jauh daripada kuantiti sahaja. Institusi pengajian tinggi Islam bukan sekadar melahirkan tenaga kerja bagi pembangunan negara. Institusi ini bertanggungjawab memelihara dan melanjutkan intelektualisma Islam. Tegas, Allahyarham Profesor Fazlur Rahman, pendidikan Islam

...is not the physical or quasi-physical paraphernalia and instruments of instruction such as the books taught or the external educational structure, but what I call "Islamic intellectualism"; for to me this is the essence of higher Islamic education. It is the growth of a genuine, original and adequate Islamic thought that must provide the real criterion for judging the success or failure of an Islamic educational system.¹

Persoalannya, mampukah kita melahirkan keintelektualan Islam yang mampu melahirkan pemikiran Islam yang asli, tulen dan sempurna. Sekiranya tidak mampu, bermakna institusi pendidikan tinggi Islam kita gagal.

Sejarah Islam yang silam menunjukkan bahawa kebebasan akademik jelas sekali dipelihara dalam tamadun Islam, dan menurut Nashabi, ia setara dengan kebebasan akademik yang dikecapi oleh tradisi liberal seperti di Barat hari ini.² Empat kurun pertama era Islam merupakan zaman keemasan aktiviti intelektual umat. Pada waktu itu kebebasan berfikir dan penghormatan kepada ilmuwan menjadi amalan para sarjana dan masyarakat. Zuhud, perasaan rendah diri dan komited kepada ilmu mencegah para ilmuwan daripada sikap tidak terbuka (*narrow-minded*) atau angkuh yang melampau Pertembungan dengan tamadun lain seperti Yunani, Kristian, Hindu dan Parsi memperkayakan pemikiran Islam dan meluaskan skopnya. Ketawhidan terhadap Allah dianggap sebagai aspek utama dalam pemikiran Islam dan suasana kebebasan pemikiran berkembang kerana tidak ada satu bentuk institusi agama yang mengekangnya. Begitu juga dengan pendidikan yang tidak dikaitkan dengan usaha mempertahankan sesuatu mazhab, maka umat lebih bebas berfikir. Ini pula disokong oleh pemerintah yang berfikir terbuka, cintakan ilmu dan menghormati sarjana yang mengadakan majlis ilmu dan perbincangan di Istana mereka. Bagaimanapun kebebasan ini mula terbatas apabila institusi pendidikan ditubuhkan untuk kepentingan pemikiran sesuatu mazhab atau kepentingan ideologi penguasa, umpamanya madrasah untuk mempertahankan pemikiran mazhab Shafi'i, Al-Azhar untuk menyebarkan pemikiran Batini dan dinasti Fatimid. Apabila ini berlaku, maka timbullah kejumudan pemikiran dan kesannya, tradisi kebebasan pemikiran dalam masyarakat Islam terjejas. Sejarah juga menunjukkan bahawa satu daripada punca kebebasan pemikiran ialah sumber pembiayaan pendidikan yang mencukupi seperti Jami' Masjid al-Azhar.

Meneliti secebis sejarah ini, timbul pertanyaan, mampukah institusi pendidikan tinggi Islam kita dasawarsa ini membina semula keintelektualan Islam? Bolehkah kita melahirkan para graduan yang berfikir tajam, kritis, kreatif dan berfikir, atau adakah kita akan terus melahirkan graduan yang mempunyai memori sebaik memori komputer bagi mengingatkan data-data sejarah, ayat Qur'an dan sebagainya tetapi tidak memberi makna dan kebijaksanaan bagi dirinya, apatah lagi untuk memimpin umat. Graduan kita harus bijaksana untuk menilai sesuatu menurut konteksnya. Institusi pendidikan Islam tinggi selama ini telah berjaya melahirkan guru agama, pegawai bagi mahkamah shar'iyah dan juga Jabatan Agama Islam tetapi

masih belum mampu melahirkan profesional dalam bidang lain seperti sains, perubatan, kejuruteraan, senibina, perundangan, teknologi maklumat dan komunikasi, muamalah, pengurusan dan iqtisad. Justeru, ilmu shar'iyah belum lagi digunakan dengan meluasnya untuk perkhidmatan profesional dalam bidang kehidupan yang lain selain daripada fardhu 'ayn itu sendiri. Umat Islam di sini dan di luar negara amatlah berharap supaya Institusi Pendidikan Tinggi Islam (IPTI) seperti UIAM dan KUIIM akan memainkan peranan yang penting untuk mengubah persepsi orang ramai tentang kebolehan dan kembali semula memimpin dunia. IPTI harus sedar tentang kepentingan peranan keintelektualannya bagi membuka minda dan hati umat supaya dapat bersaing dan berdiri sama tegak dengan tamadun Barat. IPTI perlu melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja pandai berkhubah atau berdebat tetapi lebih penting lagi mahir dan pandai bekerja untuk diri dan masyarakat dan dapat menghasilkan idea-idea baru yang tulen dan asli. Sudah tiba masanya IPTI mengisi kewajipan ini supaya masyarakat Islam lebih baik dan negara kita mencapai taraf *baladatul amin wa rabbun ghaffur*. Semuga buku yang mengandungi sembilan bab yang meriwayatkan liku-liku dalam usaha penubuhan Kolej Islam Malaysia sehingga Kolej Universiti Islam Malaysia dapat menyedarkan kita akan pentingnya usaha mempertahankan kewibawaan universiti yang sudah pun didirikan itu dan mengisinya dengan mengembangkan semua jenis ilmu pengetahuan yang bermanfaat.

Rosnani Hashim
Institut Pendidikan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Nota hujung

1. Fazlur Rahman, *Islam and modernity* (Chicago: U. Chicago Press. 1982).
2. Lihat Ahmad Shalabi, *The history of Muslim education* (Beirut: Kashshaf, 1954), B. Dodge, *Muslim education in Medieval Times* (Washington: Middle East Institute, 1962) dan A.L. Tibawi, *Islamic Education* (London: Luzac, 1972).

SEKOLAH RENDAH ISLAM ABIM (SERI)

Abim telah mengambil inisiatif untuk memajukan rancangan pendidikan peringkat rendah dengan menubuhkan Sekolah Rendah Islam (SERI) selari dengan perkembangan TASKI ABIM serta hasrat masyarakat untuk melihat anak-anak mereka terdidik secara Islam.


- Menyediakan pendidikan bersepadu di peringkat rendah dan menengah
- Melaksanakan tarbiyah yang lengkap dan seimbang antara pendidikan jasmani, aqli dan rohani
- Membina generasi yang bertaqwa, berketrampilan, relevan dan komited

Objektif

1. Menyesuai dan memupuk syahsiah Islamiyah.
2. Membekalkan asas kebolehan hidup yang memampukannya untuk menghadapi alam mukallaf.
3. Memperseimbangkan dalam diri kanak-kanak tuntutan kerohanian dan kebolehan.
4. Menanamkan keimanan di dalam generasi muda.
5. Memupuk dan mengembangkan minat untuk terus belajar.
6. Menekankan nilai Islam dan keikhlasan pada Allah dalam melakukan apa jua tugas dan tanggungjawab.
7. Menyediakan pengetahuan asas ketrampilan (psikomotor).
8. Menanamkan semangat cinta kepada agama dan penghayatan yang berterusan terhadap diri sendiri dan masyarakat.

Kurikulum

Kurikulum Sekolah Rendah Islam (SERI) telah digubal oleh satu jawatankuasa kurikulum. Kurikulum ini berdasarkan kepada falsafah Pendidikan Islam. Pada dasarnya kurikulum ini adalah penggabungan jalinan antara kurikulum Sekolah Rendah Kebangsaan (yang telah diolah menurut



CADANGAN PEMBIAYAAN BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH ISLAM ABIM SERI MAMAL DALAM MUKYUSALING

perspektif Islam) dan kurikulum Sekolah Rendah Agama (JAIS). Gabungjalain ini diadun menurut falsafah Islam yang ada didasari oleh Al-Quran dan telah mempunyai asas ilmu fardhu 'ain dalam diri setiap pelajar di samping segala kemahiran yang ada dalam kurikulum kebangsaan. Isi matapelajaran akademik diajar secara gabungjalain dengan agama-fardhu 'ain (Islamisasi)

Teras ilmu Pendidikan adalah Al-Quran, Hadith dan Sirah yang juga merupakan ilmu sumber, Ilmu-ilmu ini merentasi bidang pendidikan lain.

Agama	Akademik
• Al-Quran-Tilawah • Hafazan • Tajwid	• Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Matematik • Sains
• Bahasa Arab • Pelajaran Jawi	• Pendidikan Seni • Pendidikan Jasmani • Kajian Tempatan • Kemahiran Hidup • Komputer • Sivik
• Hadith • Sirah • Tafsir • Tauhid	
• Feqah • Akhlak • Seni Khat	

Setiap murid dikenakan yuran bulanan antara RM220 hingga RM285.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:-
Sekolah Rendah Islam ABIM
Kg. Sungai Ramal Dalam
43000 Kajang, Selangor
Tel: 03-89261220 Fax: 03-89261962
E-mail: seri_sempusat@yahoo.com